

Isnin, Apr 23 2018

Elak rakyat keliru, jadi mangsa manipulasi maklumat mengenai cukai itu

Pertingkat kefahaman GST ^{um 21/4}

Oleh **BADRUL ISA** dan **OMAR ZIN**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 20 APRIL**

KEFAHAMAN masyarakat mengenai pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) mesti dipertingkatkan bagi mengelak mereka terus keliru dan menjadi mangsa kepada manipulasi maklumat mengenai sistem cukai tersebut oleh pihak-pihak tertentu.

Setiasua Agung, Majlis Perundingan Melayu (MPM), Datuk Dr. Hasan Mad berkata, penjelasan di peringkat awal mengenai pelaksanaan GST di negara ini yang tidak komprehensif didapati menjadi punca kepada kekeliruan dalam kalangan rakyat tentang sistem cukai itu.

“Apabila masyarakat keliru mengenai GST, ia mudah dimanipulasikan. Ini adalah kerana kita melaksanakan GST sebelum dapat menjelaskan secukupnya kepada rakyat.

“Sewajarnya kefahaman mengenai GST didedahkan di peringkat awal termasuk di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan. Sepatutnya apabila rakyat bersedia baharulah kita melaksanakannya,” katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas program Forum Nasional MPM-Kumpulan Utusan 2018 Siri Pertama yang bertajuk *Keseimbangan Kos Sara Hidup Rakyat Dengan Pertumbuhan Ekonomi Negara* di Wisma MPM (Bina Daulah), di sini hari ini.

Sehubungan itu, tambahnya,



HASAN MAD (duduk, tengah) bersama peserta Forum MPM-Utusan di Wisma MPM Bina Daulah, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Pengurus Jabatan Pengarang *Utusan Malaysia*, Ainol Amriz Ismail (berdiri, kanan). - UTUSAN/SHAIFUDIN MOHD. NOR

kerajaan perlu mengambil langkah untuk memastikan rakyat secara keseluruhan menerima baik mengenai GST dan memahaminya dengan tepat dan betul.

“Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) kita akan lihat ada pihak yang cuba mengambil kesempatan memanipulasikan isu-isu rakyat termasuklah mengenai GST. Kita tidak mahu rakyat dikelirukan, oleh itu penting supaya masyarakat sentiasa diberi kefahaman dan penjelasan sekali gus tidak terperangkap dengan manipulasi,” katanya.

Sementara itu, jelas Hasan,

Forum Nasional MPM-Kumpulan Utusan yang telah dijalankan sejak 2016 akan diteruskan pada tahun ini dengan lima siri awal dianjurkan sepanjang bulan April dan Mei ini.

“Bagi tahun ini, perbincangan forum akan memberi fokus kepada isu kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Bagi lima siri awal serta lebih-lebih lagi menjelang PRU-14, MPM sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mempunyai peranan untuk memberikan pandangan mengenai isu-isu berkepentingan rakyat.

“Tujuannya juga adalah su-

paya rakyat tidak keliru dengan isu-isu yang akan dimanipulasi pihak-pihak tertentu untuk kepentingan politik. Kami tidak kisah mereka mahu berpolitik tetapi haruslah tidak cuba mengelirukan sesuatu isu yang boleh membangkitkan kemarahan rakyat,” kata beliau.

Menurutnya, MPM telah memilih lima tajuk untuk lima siri awal forum ini antaranya Menggalakkan Budaya Keusahawanan Kompetitif serta Impak Dan Tanggungjawab Institusi Pendidikan dalam Membina Budaya Dan Tamadun Bangsa.